

30 SEP 2003

MALIK MYDIN MAHU PAMER KEJAYAANNYA PADA LIMA AKAN DATANG

LANGKAWI, 30 Sept (Bernama) -- Perenang negara yang berjaya berenang menyeberangi Selat Inggeris baru-baru ini, Datuk Abdul Malik Mydin, berhasrat untuk menyertai Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) akan datang dengan mempamerkan program yang membawa kejayaannya itu.

"Inshaallah saya akan sertai segmen maritim pada LIMA akan datang," katanya kepada Bernama selepas melawat pameran udara di Balai Pameran Mahsuri Antarabangsa Langkawi di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan LIMA `03 pagi tadi.

Abdul Malik berkata beliau turut diundang menyertai LIMA kali ini tetapi terpaksa menolaknya kerana tidak sempat membuat persiapan.

Pada 4 Ogos lepas, beliau mencatatkan rekod sebagai perenang Asia Tenggara pertama yang berjaya menawan Selat Inggeris, dengan berenang dari Dover, England ke Cap Gris Nez, Calais, Perancis sejauh 32.8 km.

Sebagai persiapannya sebelum itu, Abdul Malik telah berenang sejauh 48km dari Kuala Perlis ke sini dengan mengambil masa 14 jam 3 minit.

-- BERNAMA

ZI MAD AHH MAI